



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SOSIALISASI PENDIDIKAN INFORMAL KRAF ANYAMAN SUKU KAUM MAH MERI DAN PENGARUHNYA DALAM PENDIDIKAN FORMAL FORMAL DI PULAU CAREY

NORHAYATI BINTI MUSA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SOSIALISASI PENDIDIKAN INFORMAL KRAF ANYAMAN SUKU KAUM MAH MERI DAN PENGARUHNYA DALAM PENDIDIKAN FORMAL DI PULAU CAREY

NORHAYATI BINTI MUSA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH PENDIDIKAN SENI VISUAL

**FAKULTI SENI KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title:

POSITALISASI PENDIDIKAN INFORMASI URAF
AN YAHAYAH BINTU HAZLINA MATT MERI
DAN PENGETAHUAN DILAKUKAN Dalam PENDIDIKAN
FORMATIF DI PUSAT LATIHAN
P20111008 ST4
NUR HAYAATI BT MELSA

No. Matrik / Matric's No.:

Saya / I :

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)Tarikh: 18/10/2019

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



**Sila Taipkan (\):**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan Dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 7 JANUARI 2019.

i. Perakuan pelajar :

Saya, NORHAYATI BINTI MUSA, P20111000514, FAKULTI SENI KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **SOSIALISASI PENDIDIKAN INFORMAL KRAF SUKU KAUM MAH MERI DAN PENGARUHNYA DALAM PENDIDIKAN SENI FORMAL DI PULAU CAREY** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF. MADYA DR. HJ MOHD ZAIHIDEE BIN ARSHAD dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **SOSIALISASI PENDIDIKAN INFORMAL KRAF SUKU KAUM MAH MERI DAN PENGARUHNYA DALAM PENDIDIKAN SENI FORMAL DI PULAU CAREY** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi syarat untuk memperoleh Ijazah **KEDOKTORAN PENDIDIKAN SENI VISUAL**.

Tarikh

Tandatangan Penyelia





PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, akhirnya saya berjaya menyiapkan penulisan tesis berjudul, **“SOSIALISASI PENDIDIKAN INFORMAL KRAF ANYAMAN SUKU KAUM MAH MERI DAN PENGARUHNYA DALAM PENDIDIKAN FORMAL DI PULAU CAREY.”** Tidak dapat dinafikan bahawa cabaran dan rintangan dari pelbagai sudut pernah dilalui dengan penuh kesabaran disepanjang pengajian untuk menyempurnakan PhD ini. Namun, saya sangat bersyukur kerana Allah SWT terus memberi kekuatan, kecekalan dan komitmen serta usaha yang tidak mengenal erti penat dan lelah untuk meneruskan kajian. Hasil karya ini amat besar maknanya buat diri saya yang kerdil ini, dan saya akur dan insaf bahawa bukan mudah untuk meraih kejayaan tanpa sokongan, bantuan, dan dorongan oleh banyak pihak yang senantiasa mendoakan kejayaan saya dan terus teguh berdiri menyokong saya baik pada masa susah mahupun senang. Pada halaman yang amat bermakna ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang sedalam-dalamnya kepada penyelia saya iaitu, Profesor Madya Hj. Mohd Zaihidee Arshad ialah pembimbing yang sangat berpengalaman dan ketajamannya dalam membuat andaian masa hadapan adalah sangat tinggi. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam iaitu Bahagian Tajaan yang memberi kemudahan dalam bentuk biasiswa untuk melaksanakan kajian ini di bawah Institut Pendidikan Guru. Sekalung terima kasih ditujukan kepada Pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) kerana memberikan kerjasama untuk memudahkan kelincinan perjalanan pengajian saya dengan masyarakat pribumi. Tidak lupa kepada Profesor Madya Dr. Ridzuan Hussin yang turut memberi bimbingan penulisan ini dengan jayanya. Terima kasih yang setulusnya buat bonda saya, Puan Hasiah Halib dan bekanda Shasrul Sham yang tidak pernah sesaat pun berhenti mendoakan kejayaan ini. Tidak dilupakan insan yang penting dalam hidup ini iaitu Allahyarham suami tercinta Amir Shah Zabidin dan Allahyarham Musa Ismail yang tidak sempat menyaksikan kejayaan ini. Semoga Allah melimpahi kesejahteraan dan kebahagian yang abadi di akhirat.

Sekalung penghargaan juga saya tujukan kepada Dr. Kasran Mat Jidin, Puan Siti Salmah Bidin, Cik Rohana Salleh yang banyak memberi sokongan dan bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Yang penting untuk dinyatakan di sini juga ialah saudari Puan Maznah anak Unyam, yang banyak membantu memberi segala bentuk pengalaman sepanjang menjalankan kajian etnografi dengan jayanya di Pulau Carey. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih tak terhingga buat saudara Roslan Mohamad yang sentiasa memberi sokongan dan semangat dalam menyempurnakan tesis ini hingga jayanya. Sesungguhnya hanya Allah SWT jualah yang membala kebaikan anda sekalian dengan sebaik-baik pembalasan-Nya.





ABSTRAK

Penelitian ini menggunakan kaedah etnografi iaitu rekabentuk kualitatif yang memperlihatkan penelitian multi-disiplin yang terdiri daripada cabang sosiologi. Antropologi dan kebudayaan untuk melihat pengaruh pembelajaran kraf anyaman di sekolah. Kajian ini memfokuskan kepada kesan persekitaran masyarakat Mah Meri di Pulau Carey yang mempengaruhi pembelajaran kraftangan pelajar tahap menengah. Kajian yang menggunakan data lapangan bagi kegiatan kraf anyaman di Kampung Sungai Bumbun bagi tujuan melihat latar belakang dan persekitaran yang menyokong proses pengalaman estetik suku kaum ini. Justeru, penyelidikan ini telah menggunakan seramai 16 orang pelajar yang diambil daripada pelbagai tahap di salah sebuah sekolah di daerah Selangor yang berdasarkan sosialisasi keluarga menganyam di sekitar Pulau Carey. Ini jelas memperlihatkan pelbagai pengaruh yang digunakan dalam kegiatan kraft radisional anyaman dalam Pendidikan Seni Visual di sekolah. Dapatan kajian mendapati kaum Mah Meri menggunakan motif-motif kraf anyaman yang mempunyai hubungan dengan motif berunsur haiwan, tumbuh-tumbuhan, malah setiap satunya mempunyai fungsi primitive dalam kehidupan kaum Mah Meri. Hasil dapatan yang dibuat mendapati bahawa berlakunya sosialisasi kraf anyaman kaum Mah Meri dalam kalangan pelajar. Semua pelajar dari Kampung Sungai Bumbun, Sungai Rambai, Kampung Sungai Judah dan Kampung Kepau turut menghasilkan kraf anyaman yang memperlihatkan ciri-ciri anyaman asas kaum Mah Meri. Dapatan kajian ini juga telah menunjukkan bahawa pelajar yang terlibat telah menggunakan sepenuhnya kemahiran menganyam mereka yang diperolehi melalui pengalaman sedia ada. Oleh itu, hasil analisis dengan menggunakan instrument rubric kraf anyaman yang mengemukakan tujuh elemen kraf tradisional terdiri daripada i) Pengetahuan dan kefahaman, ii) Idea, iii) Imaginasi, v) Alat dan bahan, vi) Proses, vii) Produk dan viii) Nilai dan Pengaruh telah menunjukkan hasil kraf anyaman pelajar dipengaruhi ciri-ciri kraf anyaman kaum Mah Meri. Hal ini berlaku disebabkan pengaruh kepercayaan mereka yang menggunakan motif-motif tersebut sebagai cara hidup tradisi mereka dan fahaman animisme yang masih berlaku di Pulau Carey.





SOCIALIZATION OF WOVEN CRAFT INFORMAL EDUCATION OF THE MAH MERI TRIBE AND ITS INFLUENCE IN INFORMAL EDUCATION AT CAREY ISLAND

ABSTRACT

This research is using ethnographic method which consist of qualitative design that shows a multi disciplinary study, consist of sociology, anthropology and culture in order to see the influence of weaving craft learning in school. This study focused on the environment effect of the Mah Meri community in Carey Island that influenced craft learning process among secondary school students. Field data was used in craft weaving activities at Kampung Sungai Bumbun for the purpose of the background and environment that support aesthetics experience of this tribe. Hence, 16 students of different capabilities were selected for Visual Arts class from a secondary school in Selangor related to the influence used in traditional weaving craft activities, based on the socialization of craft weaving family at Carey Island. The study found that the Mah Meri used craft weaving motives related to animals, plants, and even every one of it has primitive function in life. Findings demonstrated the occurrence of the Mah Meri weaving craft socialization from these students. All students from Kampung Sungai Bumbun, Sungai Rambai, Kampung Sungai Judah and Kampung Kepau showed the occurrence the Mah Meri basic weaving motives. The study also shows that the students make full use of their existing knowledge in weaving skills. Thus, analysis using craft weaving rubric instruments shows 7 craft traditional elements that consist of i) Knowledge and understanding ii) Idea iii) Imagination iv) Tools and materials v) Process vi) Product vii) Value and Influence, occurred in their end product of the students. This is due to their beliefs in using those motives as their tradition way of life and animism which still exist at Carey Island.





KANDUNGAN

Muka surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	i
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	xx
SENARAI SINGKATAN	xxix
SENARAI LAMPIRAN	xxxii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Tinjauan Awal	6
1.4 Pernyataan Masalah	7
1.5 Tujuan Kajian	11
1.6 Soalan Kajian	12
1.7 Objektif kajian	13
1.8 Limitasi Kajian	13





1.9	Kepentingan Kajian	15
1.10	Definisi Konsep dan Operasional	16
1.10.1	Sosialisasi	16
1.10.2	Pendidikan Informal	24
1.10.3	Kraf Anyaman	28
1.10.4	Mah Meri	32
1.10.5	Pendidikan Formal	35
1.10.6	EGO	33
1.11	Rumusan	36

**BAB 2 KAJIAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	37
2.2	Susur Galur Seni Anyaman di Malaysia	38
2.3	Unsur-unsur Kesenian Dalam Kraf Tangan Orang Asli	44
2.3.1	Konsep-konsep Yang Mempengaruhi Pengalaman Semulajadi Orang Asli	49
2.4	Sejarah Kedatangan Orang Asli Ke Semenanjung	51
2.4.1	Penempatan Awal Orang Asli di Semenanjung	52
2.5	Asal usul Suku Mah Meri di Malaysia	56
2.5.1	Penempatan Suku Mah Meri di Pulau Carey	57
2.5.2	Sosio Budaya Suku Mah Meri di Pulau Carey	59
2.5.3	Kraf Anyaman Sebagai Ekspresi Kebudayaan Suku Mah Meri di Pulau Carey	64





2.6	Kajian-kajian Terhadap Konsep-konsep Pengetahuan Orang Asli	75
2.6.1	Konsep-konsep Pendidikan Orang Asli	78
2.7	Kajian-kajian Terhadap Konsep-konsep Perspektif Antropologi	85
2.8	Teori-teori Kajian	92
2.8.1	Teori Konstruksi Sosial	92
2.8.2	Teori Simbolik	96
2.9	Kerangka Teoritikal	99
2.10	Rumusan	106

**BAB 3 METODOLOGI**

3.1	Latar Belakang	109
3.2	Rekabentuk Kajian Strategi Kajian	110
3.3	Prosedur Pengumpulan Data	117
3.4	Sumber Data	118
3.4.1	Sumber Data Primer dan Sekunder	118
3.4.2	Sumber Tertier	119
3.4.3	Peranan Penyelidik	119
3.4.4	Persampelan ‘Snowball’	119
3.4.5	Subjek Kajian	128
3.5	Lokasi Kajian	131
3.6	Kaedah Etnografi	131





3.6.1	Temubual Secara Mendalam	136
3.6.2	Pengamatan Turut serta (<i>Participant Observation</i>)	141
3.7	Pengumpulan Data Sekunder	148
3.8	Kebolehpercayaan	149
3.9	Pengamatan Berpanjangan	149
3.10	Prosedur dan Proses Penganalisisan Data	150
3.10.1	Analisis Kandungan (<i>Content Analysis</i>)	152
3.10.2	Analisis Dokumen (<i>Document Analysis</i>)	163
3.11	Kerangka Kajian	165
3.11.1	Pendekatan Sejarah	166
3.11.2	Pendekatan Antropologi - Sosiologi	170
3.11.3	Pendekatan Kebudayaan	174
3.12	Rumusan	181
BAB 4	GAMBARAN UMUM BUDAYA DAN MASYARAKAT MAH MERI DAN SOSIALISASI KAMPUNG SUNGAI BUMBUN, PULAU CAREY	183
4.1	Pengenalan	183
4.2	Kedudukan Muka Bumi Kampung Sungai Bumbun	184
4.3	Sosiobudaya Masyarakat Kampung Sungai Bumbun	190
4.3.1	Struktur Organisasi Masyarakat Mah Meri	190
4.3.2	Amalan Animisme dalam Masyarakat Suku Mah Meri	192
4.3.2.1	Hari Moyang	194





	4.3.2.2 Hari ‘Puja Pantai’	201
4.4	Ekonomi Kampung Sungai Bumbun	208
4.5	Rumusan	213
BAB 5	SOSIALISASI PARA PEMBUAT KRAF ANYAMAN KAMPUNG SUNGAI BUMBUN DAN SEKITAR PULAU CAREY	214
5.1	Pengenalan	214
5.2	Apa itu Sosialisasi Kraf Anyaman : Interpretasi Tukang Anyam Kampung Sungai Bumbun dan Masyarakat Di Sekitar Pulau Carey	215
5.2.1	Sosialisasi Pembuat Kraf Anyaman Kampung Sungai Bumbun dan masyarakat sekitarnya	215
5.3	Konsep Sosialisasi Kraf Anyaman Kampung Sungai Bumbun	289
5.4	Rumusan Kes	392
5.4.1	Pola Pembelajaran Melalui Perkahwinan	294
5.4.2	Pola Penguasaan Dua Kemahiran Kraf Dalam Satu Keluarga	298
5.4.3	Pola Sosialisasi Kraf Anyaman Dalam Kalangan Anak Lelaki Suku Mah Meri	300
5.4.4	Pola Sosialisasi Kraf Anyaman Melalui Rakan dan Jiran	302
5.4.5	Pola Sosialisasi Badan-badan Koperat dan NGO	302
5.5	Rumusan	303



BAB 6 KRAF ANYAMAN SEBAGAI PRODUK SENI MASYARAKAT SUKU MAH MERI KAMPUNG SUNGAI BUMBUN

306

6.1	Pengenalan	306
6.2	Bahan dan Peralatan	307
	6.2.1 Bahan Mentah	307
6.3	Proses dan Teknik Pembuatan	323
6.4	Reka bentuk dan Corak Produk	339
	6.4.1 Fungsi Kraf Anyaman Dalam Kehidupan Suku Kaum Mah Meri	339
	6.4.1.1 Fungsi Gunaan	339
	6.4.2 Pantang Larang: Adaptasi Animisme	353
6.5	Simbol Kraf Anyaman Mah Meri : Adaptasi Persekutaran Pulau Carey	362
	6.5.1 Simbol Corak dan Kelarai Dalam Kraf Anyaman Suku Mah Meri	362
	6.5.2 Simbol Anyaman Dendan Dalam Kehidupan Suku Mah Meri	377
	6.5.3 Simbol Rekabentuk Kraf Anyaman Suku Mah Meri	391
	6.5.4 Simbol Universal Kraf Anyaman Suku Mah Meri	400
6.6	Rumusan Konsep Simbol Kraf Anyaman Mah Meri	408
	6.6.1 Fungsi Ekstrinsik	409
	6.6.1.1 Simbol Kehidupan Harian	409
	6.6.1.2 Simbol Ekspresi Individu	409
	6.6.2 Fungsi Intrinsik	410
	6.6.2.1 Simbol ‘World View’	410



6.6.3	Fungsi Simbol Dan Tradisi	411
6.6.3.1	Mitos	411
6.6.3.2	Simbol Universal	412
6.7	Rumusan	413

BAB 7 PENGARUH SOSIO BUDAYA MAH MERI TERHADAP KRAF TRADISIONAL ANYAMAN DALAM KALANGAN PELAJAR DI SEKITAR PULAU CAREY 417

7.1	Pengenalan	417
7.2	Pengaruh-pengaruh Kraf Anyaman Mah Meri	418
7.3	Rumusan	453

**BAB 8 RUMUSAN DAN CADANGAN 458**

8.1	Pengenalan	458
8.2	Rumusan Kajian	459
8.3	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	568
8.4	Kesimpulan	569



**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka surat
1.1	Spektrum Organisasi Pendidikan	26
1.2	Suku Dan Bangsa Orang Asli Di Malaysia	33
2.1	Bahan Mentah Yang Digunakan Dalam Kegiatan Anyaman Mah Meri	66
2.2	Seni Anyaman Mah Meri – Unsur Asas Anyaman	68
2.3	Seni anyaman Mah Meri - Motif Dendan	72
3.1	Maklumat Lokasi Lapangan, Jantina Dan Usia Para Tukang Anyam	112
3.2	Jadual Pengumpulan Data	117
3.3	Maklumat Unjuran Sampel Pelajar Berdasarkan Isi Rumah Penganyam Kampung Sungai Bumbun	122
3.4	Maklumat Demografi Palajar Sekolah Menengah Pulau Carey	124
3.5	Pemerian Koleksi Kraf Anyaman Berdasarkan Klasifikasi Kod Kraf Anyaman Pulau Carey	130
3.6	Jadual Kategori Temubual Berstruktur	137
3.7	Jadual Butiran Temubual Tukang Anyam	140
3.8	Kaedah Mengumpul Data Pemerhatian Visual	144
3.9	Jadual Pengumpulan Data Melalui Pengamatan Turut Serta	146
3.10	Jadual Rubrik Pemerhatian Kraf Anyaman	164
5.1	Ringkasan Konsep Sosialisasi Kraf Anyaman Suku Mah Meri	291
6.1	Jenis Media Yang Digunakan Dalam Kegiatan Kraf Anyaman Suku Mah Meri Di Kampung Sungai Bumbun	309





6.2	Ringkasan Konsep Simbolik Kraf Anyaman Suku Mah Meri	342
6.3	Ringkasan Konsep Pantang Larang	360
6.4	Analisis Simbol Motif Anyaman Dan Origami Mah Meri	365
6.5	Analisis Fungsi Dendan Dalam Kehidupan Suku Kaum Mah Meri Di Pulau Carey	376
6.6	Analisis Rekabentuk Kraf Anyaman Mah Meri Pulau Carey	392
6.7	Analisis Fungsi Universal Kraf Di Pulau Carey	401





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka surat
1.1 Kedudukan Pulau Carey Dan Kumpulan Etnik Mah Meri	5
2.1 Carta Alir nama Asas Kekeluargaan Suku Mah Meri	64
2.2 Moodel holistik Pendidikan Sepanjang Hayat Orang Asli di Di Kanada	82
2.3 Tujuh Aspek Utama Model GPILSEO	84
2.4 Proses Tingkahlaku Kebudayaan Dan Atribut Budaya Benda	86
2.5 Kerangka Simbolis Kajian	97
2.6 Model Skema Sosial A-G-I-L	103
2.7 Kerangka Teoritikal	105
3.1 Reka Bentuk Kajian	116
3.2 Interpretasi Sosialisasi Kraf Anyaman Isi Rumah Tukang Anyam	138
3.3 Model Analisis Data Aliran Berperingkat	151
3.4 Three Cs Of Data Analysis Codes, Categories, Concept	153
3.5 Langkah Koding Permulaan	155
3.6 Langkah Menyemak Koding Permulaan	156
3.7 Langkah Membangunkan Kategori Senarai Pertama Dan Idea Utama	157
3.8 Langkah Membangunkan Senarai Pertama Berdasarkan Pembacaan Tambahan Bagi Kes 1	158





3.9	Langkah Mengubah Suai Senarai Pertama Berdasarkan Pembacaan Tambahan Bagi Kes 2	158
3.10	Langkah mengubah Suai Senarai Pertama Berdasarkan Pembacaan Tambahan Bagi Kes 3	159
3.11	Langkah Mengubah Suai Senarai Pertama Berdasarkan Pembacaan Tambahan Bagi Kes 4	159
3.12	Langkah Menyemak Kategori Dan Subkategori Kes 1	160
3.13	Langkah Menyemak Kategori Dan Subkategori Kes 2	161
3.14	Langkah Menyemak Kategori Dan Subkategori Kes 3	161
3.15	Langkah Menyemak Kategori Dan Subkategori Kes 4	162
3.16	Langkah Memindahkan Kategori Kepada Konsep	162
3.17	Kerangka Interdisiplin Kajian	180
4.1	Lokasi Utama Kajian Kampung Sungai Bumbun	184
4.2	Pelan lakar Kampung Sungai Bumbun	186
4.3	Pusat Kebudayaan “Perkampungan Budaya Mah Meri Kampung Sungai Bumbun”	187
4.4	Kemudahan Yang Terdapat Di Kampung Sungai Bumbun	188
4.5	Persekutaran Pulau Carey Yang Dikelilingi Oleh Ladang Kelapa Sawit	189
4.6	Susunan Organisasi Jawatankuasa Masyarakat Mah Meri	190
4.7	Anyaman Dendan Daripada Daun Nipah Diletakkan Di Sudut Tertentu	194
4.8	Antara Aktiviti Kesenian Masyarakat Suku Kaum Mah Meri Di Pulau Carey Membuat Persediaan Untuk Menyabut Perayaan	196
4.9	Anyaman Bunga ‘Gumbe’ Menandakan Kehadiran Roh Nenek Moyang	197





4.10	Tempat Pemujaan Roh Semasa Perayaan Hari ‘Moyang’	198
4.11	Tempat pemujaan roh semasa perayaan Hari ‘Moyang’ Dan upacara ‘menepung tawar’	199
4.12	Tarian tradisi Jo’ Oh dan ‘Topeng’ dipersembahkan pada Hari ‘Moyang’ yang disambut di Kampung Sungai Bumbun	200
4.13	‘Pangga’ Yang Digunakan Semasa Ritual Pemujaan Roh Nenek Moyang	202
4.14	Persediaan Yang Dibawa Untuk Upacara Pemujaan ‘Pantai’ Di Pulau Carey	202
4.15	Upacara pemujaan dilakukan ketika paras air laut surut dan mereka beramai-ramai akan berarak ke ‘sangga’ untuk melakukan pemujaan	203
4.16	Upacara memuja roh dan menepung tawar dilakukan di ‘sangga’ selepas upacara ritual pemujaan roh nenek moyang	205
4.17	Persembahan tarian ‘Topeng’ selepas ritual ‘Puja Pantai’ di Hadapan ‘Moyang’ semasa pemujaan dilakukan	205
4.18	Diman bersama topeng ukiran kayu Bajos	206
4.19	Perusahaan Kraf Ukiran Kayu Milik Gali anak Adam Di Kampung Sungai Bumbun	209
4.20	Perusahaan Kraf Anyaman Kampung Sungai Bumbun Dibantu Oleh JAKOA Dalam Pemasaran Produk	210
5.1	Masyarakat Di Sekitar Kampung Sungai Bumbun Aktif Membuat Kraf Anyaman	217
5.2	Pokok Pandan Dan Mengkuang Kampung Sungai Bumbun	218
5.3	Bakat Kesenian Maznah Uyun	220
5.4	Sosialisasi Kraf Anyaman Keluarga Maznah Anak Uyun	221
5.5	Papan Tanda Perusahaan Kraf Orang Asli Sebagai Sokongan Moral Kepada Maznah Anak Uyun	224





5.6	Penyelidik Bersama Maznah Uyun Pembuat Kraf Anyaman Kampung Sungai Bumbun	225
5.7	Simbol ‘Busut’ Digunakan Dalam Upacara Kebudayaan Mah Meri Yang Dibuat Daripada Anyaman Daun Nipah	230
5.8	Sempena sambutan Karnival Orang Asli Zon Utara, Perak Dan Selangor Pada Tahun 2015	231
5.9	Menjadi Tenaga Pengajar Dalam Program Yang Dikelola Oleh JAKOA	232
5.10	Antara Koleksi Reka Bentuk Kraf Anyaman Diberi Sentuhan Baru	233
5.11	Sosialisasi Kraf Anyaman Keluarga Pinte Anak Uyun	233
5.12	Penyelidik Bersama Pinte Anak Uyun Ketika Menebang Pohon Nipah	236
5.13	Priscilla Menakek Bilah Daun Nipah	237
5.14	Sosialisasi Kraf Anyaman Keluarga Junaidah anak Karim	241
5.15	Junaidah Ketika Megambil Daun Nipah	241
5.16	Juhasnida (duduk) Membantu Ibunya Mengambil Daun Nipah	242
5.17	Sosialisasi Kraf Anyaman Keluarga Nuraini Anak Latip	245
5.18	Nuraini Sedang Membuat Kraf Origami Daripada Daun Nipah	246
5.19	Sosialisasi kraf anyaman keluarga Tijah Anak Legap	247
5.20	Sosialisasi kraf anyaman keluarga Misah anak Bumbon	249
5.21	Penyelidik bersama Misah anak Bumbon	250
5.22	Douglas Dan Dami Mewarisi Kepandaian Pertukangan Daripada Mendiang Dayung	253
5.23	Sosialisasi Kraf Anyaman Suriawati	256





5.24	Suriawati Sedang Membuat Persediaan Anyaman Daripada Daun Nipah Sempena Menyambut Hari ‘Puja Pantai Kampung Sungai Judah	256
4.25	Peah Menunjukkan Bujam Sireh Yang Dihasilkan Olehnya Menggunakan Daun Pandan Yang Ditanamnya Sendiri	258
4.26	Sosialisasi Kraf Anyaman Peah Anak Me	259
5.27	‘Hentoq’	260
5.28	Antara Sumber Bahan Asas Kraf Anyaman Yang Ditanam Di sekeliling Rumah Peah Anak Me	264
5.29	Sosialisasi Kraf Anyaman Keluarga Cewati anak Kenyang	265
5.30	Maznah memastikan anak didiknya Cewati anak Kenyang pembuat kraf anyaman yang aktif di Kampung Sungai Bumbun dalam keadaan	266
5.31	Sosialisasi kraf anyaman keluarga Kukut anak Karum	268
5.32	Kukut dan anaknya Pija Sedang Menjangka Bilah Daun Pandan	270
5.33	Sosialisasi Kraf Anyaman Keluarga Pija Anak Rahmat	271
5.34	Sosialisasi Kraf Anyaman Keluarga Salsiah Anak Hassan	272
5.35	Sosialisasi Kraf Anyaman Keluarga Azizah	273
5.36	Sosialisasi Kraf Anyaman Keluarga Era Anak Tamrin	274
5.37	Balai Kraf Anyaman Yang Terletak Di Kampung Sungai Rambai	277
5.38	Maznah dan sepupunya Paridah sedang menganyam menggunakan daun nipah	277
5.39	Sosialisasi kraf anyaman Paridah anak Alang	278
5.40	Sosialisasi Kraf Anyaman Keluarga Norzi anak Kingkin	280





5.41	Penyelidik bersamakeluarga Norzi dihadapan pokok Mengkuang yang ditanam	282
5.42	Sosialisasi Kraf Anyaman Keluarga Misah anak Yusoff	283
5.43	Sosialisasi Kraf Anyaman Keluarga Laila anak Halim	284
5.44	Sosialisasi Kraf Anyaman Keluarga Shahira anak Yahya	285
5.45	Sosialisasi Kraf Anyaman Keluarga Julida anak Uju	287
5.46	Skema Rantaian : SosialisasiKraf Anyaman Suku Mah Meri	290
5.47	Terminologi Pemindahan Kemahiran Kraf Berdasarkan Pola Perkahwinan Dalam Keluarga Mah Meri Kampung Sungai Bumbun	295
5.48	Sosialisasi Kraf Anyaman Melalui Hubungan Perkahwinan dengan Orang Luar	297
5.49	Sosialisasi Kraf Anyaman dan Ukiran Kayu Kampung Sungai Bumbun	299
5.50	Pola Pewarisan Sosialisasi Kraf Anak Lelaki Dalam Suku Mah Meri	301
6.1	Pokok Nipah	310
6.2	Pinta Sedang Meninjau Pelepas Pohon Nipah Di Sekitar Paya Bakau Pulau Carey	311
6.3	Menanda Pulur Pucuk Nipah Sebelum Memotong	312
6.4	Menakek Daun Nipah (Pita) Dari Pelepas Dengan Dengan Alat Parang	312
6.5	Mengumpul Dan Mengikat Daun Nipah	313
6.6	Penggunaan Daun Nipah Dalam Kegiatan Kebudayaan	313
6.7	Gotong Royong Semasa Membuat Persediaan Kraf Anyaman Untuk Menyambut Hari ‘Puja Pantai’ Di Kampung Sungai Judah	313





6.8	Anyaman Origami Dengan Pelbagai Motif Yang Dihasilkan Daripada daun nipah untuk tujuan hiasan semasa upacara ‘Puja Pantai’	314
6.9	Gugusan Buah Nipah Dan Bunga Nipah Dalam Penggunaan Makanan Dan Kesihatan	314
6.10	Ketinggian Pokok Pandan Air Di Kampung Sungai Bumbun	315
6.11	Pandan Air Yang Belum Mencapai Ketinggian Maksima	316
6.12	Ciri-ciri Daun Pandan Air	316
6.13	Mengkuang Bunga	317
6.14	Pandan Bakau	317
6.15	Pokok Mengkuang Kudag Yang Ditanam Di Persekutaran Rumah Di Kampung Sungai Bumbun	318
6.16	Ketinggian Pokok Mengkuang Kudag Mencapai 2 – 2.5 (Meter)	319
6.17	Daun Mengkuang Kudag Tidak Mempunyai Duri	319
6.18	Hasil Anyaman Bujam Lipok Daripada Mengkuang Kudaq	320
6.19	Pokok Mengkuang Keling	321
6.20	Tulang Daun Mengkuang Keling Mempunyai Duri	322
6.21	Duri Daun Mengkuang Keling Bewarna Putih Susu	322
6.22	Mengumpul Dan Mengasingkan Daun Nipah Mengikut Kematangan Untuk Membuat Hiasan Origami	324
6.23	Menggunakan Kombinasi Warna Untuk Menghasilkan Kraf Origami	324
6.24	Pandan Bunga Atau Pandan Duri Mempunyai Duri Yang Tajam Dan Berbisa	325
6.25	Penganyam Sedang Menjangka Dan Melurut Daun Mengkuang Yang Telah Dilayur	326





6.26	Alat Jangka Direka Daripada Bahan Buluh Dan Diselitkan Pisau Tajam Dibahagian Tengahnya	326
6.27	Bilahan Daun Mengkuang Yang Telah Dilurut Dan Diikat Menjadi Tongkol-Tongkol Sebelum Direndam	327
6.28	Bilahan daun yang telah kering sedia untuk dicelup dengan Pewarna	329
6.29	Periuk dan dapur digunakan untuk mencelup warna	329





6.30	Bekas Baldi Disediakan Untuk Membersihkan Daun Yang Telah Diwarnakan	330
6.31	Memilih Warna Yang Garang Agar Hasil Reka Bentuk Tampil Lebih Menarik	331
6.32	Kaedah Menganyam Anyaman ‘Selap’ Di Dalam Bujam Yang Telah Siap	333
6.33	Memastikan Keadaan Jaluran Daun Pada Kedudukannya Semasa Menghasilkan ‘Selap’ Anyaman Gadas Bujam	334
6.34	Setiap Individu Mempunyai Cara Tersendiri Untuk Memastikan Kedudukan Jaluran	334
6.35	Kemasan Sebelum Mematikan Anyaman	335
6.36	Mematikan Anyaman	335
6.37	Bilah Kayu Digunakan Ketika Menyulam	336
6.38	Membetulkan Kedudukan ‘Selap’ Dalam Bujam	337
6.39	Bujam Lipok Yang Telah Siap Serta ‘Selap’ Di dalamnya	364
6.40	Bujam Lipok Mempamerkan Kelarai ‘Topoh’ Menjadi Kebanggaan Masyarakat Mah Meri	337
6.41	‘Penggel’ Dan ‘Gedek’ Pada Anyaman Bujam	338
6.42	Menentukan Paras Indup (Pulur) Dahan Nipah Sebelum Memotong	358
6.43	Tikar anyaman gadas untuk kegunaan di ruang tamu	363
6.44	Tikar anyaman kelarai Swastika untuk kegunaan majlis-majlis tertentu	364
6.45	Kelarai ‘Topoh’ yang terdapat pada Bujam Lipok masyarakat Mah Meri (menyerong)	375
6.46	Motif Bunga Kundur Jantan yang terdapat pada bujam sireh (bujam pinang)	375





6.47	Kelarai Bunga Cengkih (kelarai topoh menegak) terdapat pada bujam sireh (bujam pinang)	376
6.48	Tikar bermotif Kelarai Swastika (Kelarai putus masa)	376
6.49	Kelarai Sak Mata Burung Bungkuit yang terdapat pada Bujam Sireh (bujam pinang)	377
6.50	Bakul ‘Duduk Durian’ untuk mengisi benih padi	399
6.51	Kerangka Simbolis Kraf Anyaman Suku Kaum Mah Meri	408
6.52	Simbol Udang	412
6.53	Simbol Belalang	413
6.54	Simbol Belangkas	413
6.55	Simbol Ketam	414
6.56	Simbol Ular	414
6.57	Simbol Burung	415
7.1	Moderasi Rubrik Kraf Tradisional Sedang Dijalankan Semasa Bengkel Berlangsung Oleh Panel Di SMK Pulau Carey	418
7.2	Kraf penanda buku 1	421
7.3	Kraf penanda buku 2	423
7.4	Kraf penanda buku 3	425
7.5	Kraf penanda buku 4	427
7.6	Kraf penanda buku 5	429
7.7	Kraf penanda buku 6	431
7.8	Kraf penanda buku 7	434





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

XXV

7.9	Kraf penanda buku 8	436
7.10	Kraf penanda buku 9	437
7.11	Kraf penanda buku 10	439
7.12	Kraf penanda buku 11	442
7.13	Kraf penanda buku 12	444
7.14	Kraf penanda buku 13	446
7.15	Kraf penanda buku 14	448
7.16	Kraf penanda buku 15	449
7.17	Kraf penanda buku 16	452



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

**SENARAI****SINGKATAN**

PSH	Pembelajaran Sepanjang Hayat
PS	Pendidikan Informal
PF	Pendidikan Formal
PTF	Pendidikan Tak Formal
PTK	Pembelajaran di Tempat Kerja
PK	Pendidikan Komuniti
PS	Pembelajaran Sampingan
PKR	Pendidikan Kraf
MM	Mah Meri
KSB	Kampung Sungai Bumbon
KSJ	Kampung Sungai Judah
KSK	Kampung Sungai Kurau
KSKP	Kampung Sungai Kepau
KSR	Kampung Sungai Rambai
PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum
UNESCO	United State Office of Education, Department of Health, Education, and Welfare
EPRD	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
OECD	Organisation for Economic Co-operation and Development
HRD	Human Resource Development





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xxix

SENARAI LAMPIRAN

Surat kebenaran menjalankan kajian

Surat lantikan pakar-pakar rubrik

Statistik Penganyam Kampung Sungai Bumbun

Rajah motif anyaman

Salasilah Penganyam Keluarga Maznah anak Uyun



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pengenalan

Objek kesenian merupakan satu bentuk yang mengungkapkan perasaan keindahan tampak yang berlaku secara semulajadi dalam diri manusia dan ianya telah berlaku sejak daripada masa lampau. Melalui hasil penemuan sejarah yang ditemui, ianya tidak membawa makna ekspresi estetik tetapi bertujuan memenuhi keperluan primernya (Badcord, 1983; Boas, 1995). Walaubagaimanapun, setiap masyarakat, sama ada secara sedar atau sebaliknya telah mengembangkan kesenian sebagai ungkapan dan pernyataan rasa estetiknya kepada pewaris dan kepada generasi seterusnya untuk mengembangkan kebudayaan sebagai pedoman untuk strategi adaptasi dalam memenuhi keperluan hidupnya (Haris dan Moran, 1990).



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



1.2 Latar Belakang Kajian

Kesenian telah wujud dalam kehidupan manusia sejak mula kehidupannya dan secara tidak langsung merupakan bahagian yang tidak terpisahkan dari seluruh perjalanan kehidupannya. Segalanya itu menunjukkan keunikan kesenian, sama ada dilihat dari aspek usianya ataupun keuniversalannya, sebagai satu bahagian dari kebudayaan (Cassirer, 1987). Oleh yang demikian, semua bentuk seni sentiasa wujud, atau bahawa kepelbagai ekspresi estetik berkembang secara sama dalam setiap kebudayaan. Kesenian, serta pelbagai bentuk dan corak ungkapannya, cenderung berbeza pada setiap masyarakat atau peringkat-peringkat sosial tertentu (Otten, 1971).



Manakala masyarakat merupakan sebuah kesatuan kehidupan sosial manusia yang menduduki suatu wilayah tertentu, hidup dalam dan juga menghadapi cabaran semulajadi. Dalam menghadapi cabaran dan ransangan dari persekitaran dan alam semulajadi tersebut secara tidak langsung mengembangkan kebudayaan dan sekaligus menggunakan secara bersama ransangan-ransangan dari persekitaran serta alam semulajadi dimana mereka tinggal. Oleh itu, setiap ahli masyarakat akan berdepan bukan sahaja dengan cabaran dan ransangan semula jadi tetapi berdepan dengan persekitaran sosial dan budayanya. Malah, halangan-halangan tersebut perlu dilalui dan ditangani dengan seimbang tanpa mengorbankan nilai-nilai semulajadi serta faktor-faktor ransangan halangan baru tersebut.

Oleh yang demikian, untuk mempertahankan, mengekalkan dan mempertingkatkan kehidupan, setiap masyarakat perlu meningkatkan kehidupan





mereka disamping penyesuaian dengan persekitaran tersebut dalam mengatasi perubahan yang berlaku dari masa ke semasa. Menerusi proses ini, pendidikan setiap individu memainkan peranan penting dalam mengekalkan kewujudan kebudayaan mereka untuk melaksanakan sistem sosial mereka yang disalurkan melalui nilai-nilai, kepercayaan-kepercayaan, pengetahuan dan teknologi sebagai satu mekanisme yang perlu ada dalam setiap diri individu dan masyarakatnya. Manakala menerusi pendidikan pula, setiap individu harus mempelajari peranannya dalam mengekalkan nilai-nilai serta simbol-simbol budaya yang berkait dengan kehidupan sosialnya untuk menjadi ahli keluarga dan masyarakatnya yang berkembang dalam persekitaran masyarakatnya.

Dalam konteks negara ini, kebudayaan yang dimiliki daripada pelbagai etnik

dan suku bangsa jelas menggambarkan Malaysia mempunyai khazanah tradisi yang tidak ternilai. Dalam bidang seni di negara ini umpamanya, Orang Asli sahaja mempunyai sekurang-kurangnya 18 etnik kesemuanya (Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, 2002). Secara umumnya setiap suku kaum mempunyai latar belakang yang berbeza dari segi sosiobudaya, kepercayaan, pantang larang dan adat resam. Begitu juga halnya dengan budaya yang berbeza-beza antara satu sama lain. Walaubagaimanapun masih ada persamaan yang terdapat dalam kalangan kaum mereka, antaranya kebanyakannya mereka berfahaman yang sama iaitu animisme.

Secara tidak langsung, kebudayaan kaum Orang Asli di negara ini memiliki ciri-ciri identiti budaya tradisi yang diwarisi daripada nenek moyang secara turun temurun dan generasi ke generasi dan ianya masih kekal sehingga masa kini. Budaya





seni anyaman telah dikenali lama dan dihasilkan khususnya oleh suku Orang Asli Mah Meri di Pulau Carey, Selangor. Ia merupakan karya seni Mah Meri yang sangat terkenal dan dipandang unik oleh masyarakat sama ada dalam negara maupun luar negara. Seni anyaman mereka telah lama bertapak dan berkembang mengikut bentuk kehidupan yang dipengaruhi oleh alam sekitar mereka. Selain itu, kewujudan mereka di negara ini telah dibuktikan melalui sejarah kedatangan mereka ke Semenanjung oleh William Hunt dalam bukunya bertajuk “An Introduction to the Malayan Aborigines.” Menurut William Hunt (1952), kaum Orang Asli amat berkemahiran membuat anyaman tikar pandan. Beliau juga mengatakan asal usul Orang Asli adalah merupakan pendatang keturunan Melayu dari Gugusan Kepulauan Melayu, serta pendatang asing dari rantau Asia sejak kurun ke-5.Dunn (1975) juga telah membuat andaian kemungkinan besar kehadiran mereka di Semenanjung Tanah Melayu telah berlaku lebih awal daripada kurun tersebut.



Oleh itu, tidak hairanlah kraf anyaman suku Mah Meri yang ditemui di sekitar Pulau Carey masih mengekalkan ciri-ciri rekabentuk yang dikenalpasti seperti bujam ‘*apok soi aleh*’ dipercayai merupakan tempat simpanan rambut bayi yang baru lahir dan merupakan satu-satunya unsur kraf anyaman yang menerima pengiktirafan daripada Seal of excellent for handycraft product in Southeast Asia, UNESCO pada tahun 2011 (New Strait Times, 2011).

Pulau Carey telah menjadi sebuah lokasi yang kaya dengan aspek kebudayaan asing hasil daripada perkembangan tradisi dan budaya merangkumi seni pertukangan tangannya seperti seni ukiran arca kayu dan topeng serta aneka motif seni anyamannya. Sehubungan itu, penyelidik membuat ungkapan bahawa kesenian



anyaman suku Mah Meri dilihat sebagai satu kebudayaan yang tidak dapat dipisahkan dalam masyarakat ini, ia amat penting dalam proses perkembangan Pendidikan Formal di daerah Pulau Carey khasnya mata pelajaran pertukangan kraf anyaman tradisional yang sudah tentu membawa kesan kepada nilai pengetahuan dan kemahiran subjek tersebut di sekolah.



Rajah 1.1. Kedudukan Pulau Carey dan kumpulan etnik Mah Meri
[Sumber : <https://www.google.com/>]

Berdasarkan fakta-fakta tersebut, penulisan kajian tentang kraf anyaman ini berpandukan dua matlamat : Pertama, mengemukakan garis kasar yang menyeluruh idea kebudayaan kraf anyaman suku Mah Meri dengan menggunakan tiga penelitian iaitu sejarah, sosiologi-antropologi dan kebudayaan; keduanya mentafsirkan pemikiran suku Mah Meri dengan mengaitkan suatu tajuk dengan tajuk yang lain secara sistematik pada Bab 2.



Menerusi kajian ini penyelidik memasukkan unsur sejarah khusus bagi menggambarkan sosialisasi kraf anyaman suku Mah Meri sendiri bagi memerihalkan konsep yang khusus sebagai cara pemindahan pengetahuan seni anyaman masyarakat Orang Asli sebagai ‘Pendidikan Informal’ dan ‘Pendidikan Formal’ menjadi pengukur kepada kesan-kesan pengaruh sosiobudaya suku Mah Meri yang menetap di Pulau Carey yang mempengaruhi pengetahuan pelajar di daerah Pulau Carey.

1.3 Tinjauan Awal

Hasil daripada lapangan awal kajian ini, penyelidik telah menggunakan kaedah mendapatkan data bagi membangunkan sistem klasifikasi item di lapangan (LeCompte & Preissle, 1993), berkait dengan komponen pengetahuan budaya



"*about how particular people should act toward particular other people depending on their roles*" (Garrick Bailey dan James Peoples, 2011).

Antara prosedur awal yang dilakukan ialah penyelidik telah mengadakan pertemuan bersama Ahmad Jiwa Zulkefli, selaku Pegawai di Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) yang telah lama bertugas dan faham tentang sosiobudaya suku Orang Asli. Temubual ini telah dijalankan pada 29 April 2013 bertempat di Pusat sumber Orang Asli JAKOA di Gombak. Antara perkara yang difokuskan ialah kepentingan kraf anyaman terhadap masyarakat Orang Asli, ia termasuklah persekitaran kehidupan mereka. Seterusnya, penyelidik mendapatkan data pada 8 Mei 2013 di Pejabat Kemajuan Orang Asli Daerah di daerah Kuala Langat bagi mendapatkan populasi serta gambaran secara umum tentang latarbelakang kegiatan kraf anyaman dan





ekonomi masyarakat di Kampung Sungai Bumbun iaitu fokus lokasi kajian yang dijalankan.

Lawatan awal ke tapak lapangan bermula pada 31 Mei 2013. Iaitu dengan mengambil maklumat mengenai sosio budaya suku Mah Meri. Antara lokasi yang menjadi tumpuan utama ialah Galeri Perkampungan Budaya Mah Meri yang terletak di Kampung Sungai Bumbun. Data yang diperolehi ini adalah untuk memberi gambaran dan situasi sebenar kajian yang akan dijalankan di lapangan. Seterusnya penyelidik mengadakan pertemuan dengan salah seorang pengusaha kraf anyaman iaitu Maznah Uyun pada 12 Jun 2013 bertempat di bengkel kraf anyaman yang terletak di Kampung Sungai Bumbun. Pertemuan tersebut adalah sebagai langkah penting untuk mewujudkan hubungan baik antara penyelidik dan peserta utama kajian.



Selain itu, penyelidik juga turut mendapatkan maklumat dan rekod berkaitan pelajar Orang Asli di daerah Pulau Carey daripada Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Langat bagi memastikan sampel pelajar adalah relevan dengan kajian yang akan dijalankan di sekolah untuk melihat pengaruh dan kesan-kesan sosialisasi kraf anyaman di Pulau Carey.

1.4 Pernyataan Masalah

Kraf anyaman suku Mah Meri merupakan salah satu bentuk kesenian yang menampilkan unsur-unsur ekspresi paling penting yang tidak dapat dipisahkan dari kehidupan mereka, bahkan kesenian mereka juga harus dibincangkan beserta dengan aspek kebudayaan, sejarah dan sudut antropologi. Ini melibatkan pengalaman





masyarakat yang dipindahkan dan diwarisi daripada satu generasi kepada generasinya mengikut tahap-tahap sosial.

Masalah yang dihadapi daripada fenomena yang dibincangkan di atas antaranya ialah, masalah pelestarian kemahiran kraf dalam kalangan keluarga tukang anyam di sekitar Pulau Carey, yang wujud dalam suatu proses pendidikan berupa sosialisasi kemahiran kraf yang berlaku dalam masyarakat yang dibincangkan dalam kajian.

Berdasarkan kenyataan tersebut, kesenian dan kebudayaan mereka terus dibelenggu oleh pemikiran primitif yang tidak dapat memisahkan mereka dengan kepercayaan terhadap “Orang Halus” atau “Moyang”. Bentuk seni halusnya masih bersifat utuh dan “tertutup” sehingga ke hari ini (Khee, 1988; Mohd Johari, 2008, Satkuma, 1976). Malah, fenomena yang dimaksudkan turut mempengaruhi sosiobudaya masyarakat di sekitar Pulau Carey.

Permasalahan utama yang dibangkitkan ialah fungsi kemahiran kraf anyaman dalam struktur kehidupan masyarakat dan pengaruh kebudayaannya secara menyeluruh. Justeru, penyelidikan ini akan mengupas masalah proses pendidikan, atau sosialisasi, kemahiran kraf anyaman yang berlaku dalam kalangan keluarga tukang anyam dalam masyarakat suku Mah Meri yang menetap di sekitar Pulau Carey.

Permasalahan kedua ialah kepercayaan animisme merupakan satu bentuk pendidikan yang berlangsung dalam kalangan masyarakat di daerah Pulau Carey.





Yakni, mengikut pengkaji budaya dan sejarah, Siti Zainon Ismail (1985) mengatakan bahawa kraf tangan orang-orang Asli dari beberapa kawasan pedalaman di Semenanjung Malaysia, suku-suku dari Sabah dan Sarawak telah memperlihatkan ciri-ciri kehidupan mereka dengan kepercayaan mitos melalui topeng-topeng, patung-patung dari pedalaman Afrika, bahan dari kulit kayu, kulit binatang, tulang belulang, gading gajah, daun-daunan dan sebagainya, pada awalnya tidak lebih sebagai "alat pelindung." Bentuk-bentuk tersebut membawa kepada pengaruh animisme dalam kepercayaan suku Mah Meri dan mempunyai hubungan rapat dengan kraf tangan yang diwarisi secara turun temurun daripada nenek moyang mereka terdahulu telah diperlihatkan menerusi ikon patung-patung arca seperti "Harimau Berantai" yang masih terdapat di Pulau Carey. Begitu juga, bentuk-bentuk kraf anyaman yang menggambarkan proses pendidikan yang berlaku dalam masyarakat Mah Meri di



Sejak tahun 1963, hampir 50% daripada keluasan hutan bakau di Selangor telah diterokai. Litupan hutan bakau di negeri ini semakin berkurangan dimana pada tahun 1975 keluasan hutan bakaunya berjumlah 39,695 ha tetapi merosot kepada 21,154 ha pada tahun 1991 dan terus merosot kepada 14, 893 ha pada tahun 2004. Kadar kemerosotan tersebut amat serius iaitu pada kadar 62.5% dalam tempoh masa 25 tahun sahaja (Haliza 2005 dalam Haliza, 2008:105). Fakta berikut dibimbangi akan menyekat perkembangan dan ransangan-ransangan persekitaran yang wujud di sekitar Pulau Carey dalam penghasilan kraf tangan mereka. Malah, menurut Shevonne Henry (2012) bahawa akibat dasar kolonialisme telah menyebabkan Orang Asli ini semakin dipinggirkan dan mengakibatkan mereka telah kehilangan tempat tinggal (Altman, 2001; Lasimbang, 2008). Secara tidak langsung suku Mah Meri di Pulau Carey kini





hanya mendiami kawasan-kawasan yang terhad sekadar menjalankan kegiatan ekonomi yang dirancang dibawah JAKOA serta program kebudayaan sahaja. Malah kebergantungan ekonomi terhadap tumbuhan hutan bakau seperti daun nipah, pokok-pokok kayu nireh dan pulai yang digunakan dalam industri ukiran kayu dan anyaman turut terjejas (Nowak, 2000).

Masalah yang dibangkitkan ialah keimbangan terhadap kemahiran yang diwarisi boleh menjelaskan proses pendidikan yang berlaku dalam kalangan keluarga tukang anyaman di daerah Pulau Carey. Iaitu proses pendidikan keluarga yang merupakan salah satu mekanisme sosialisasi dalam pengekalan kraf anyaman yang diperoleh atau menjadi warisan secara turun temurun pada masyarakat tukang anyam di sini. Ini menjelaskan cara-cara interaksi, dan pola-pola pembelajaran yang berlaku menerusi pembelajaran kraf anyaman dalam konteks pembelajaran secara informal bagi masyarakat yang menetap di daerah ini.

Bagi maksud tersebut, kenyataan Siti Zainon Ismail terhadap kepentingan kelestarian kraf anyaman masyarakat Orang Asli seperti berikut,

“Sehingga makna dalam seni hias kraftangan itu sendiri merupakan daya kreatif dan reka cipta masyarakat Orang Asli berasaskan kepada alam persekitaran dan kepercayaan mereka, terutama bidang anyaman mengkuang/pandan, bertam, buluh serta rotan.”

Siti Zainon Ismail (1985)

Kelemahan yang dilihat adalah juga disebabkan ketidakupayaan Orang Asli itu sendiri kurang mampu membangunkan kemajuan perusahaan mereka kerana tanggapan sedemikian,





“ Much as the Malays were once so characterized, the Orang Asli are often considered lazy, inconstant and hard to predict their next action. There is much truth in this observation but like a procrastinating genius, once The Orang Asli set their mind on an by the river banks, they go after them most tenaciously,... ”

Shuich Nagata(1993)

Bagi maksud diatas, Orang Asli itu sendiri tidak mampu bertindak berterusan secara bersendirian. Ini kerana Orang Asli masih dianggap tidak mengambil berat terhadap kehidupan harian serta menunjukkan mereka kurang berkemampuan dalam mengembangkan aspek pembangunan mengikut dasar pendidikan dan ekonomi negara. Ini turut diakui oleh Y. Bhg Dato' Jimin Idris, Bekas Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, salah satu kelemahan masyarakat Orang Asli ialah tidak mempunyai huruf tulisan (aksara) menyebabkan halangan-halangan kepada pengekalan kelestarian kraf anyaman di Pulau Carey.



1.5 Tujuan Kajian

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengkaji proses pendidikan kraf anyaman yang berlangsung dalam kalangan keluarga masyarakat Mah Meri di Kampung Sungai Bumbun, bagi maksud kajian iaitu sosialisasi, berkaitan dengan kelangsungan kraf anyaman dalam masyarakat di Kampung Sungai Bumbun dan masyarakat sekitarnya serta menganalisis kesan-kesan pengaruh sosiobudaya mereka dalam proses Pendidikan formal di daerah Pulau Carey.





1.6 Soalan Kajian

Persoalan kajian yang antara dalam penyelidikan ini dinyatakan sebagai berikut, iaitu ; Bagaimana sosialisasi kemahiran kraf anyaman berlaku dalam kalangan keluarga tukang anyam di Kampung Sungai Bumbun, Pulau Carey, Mukim Teluk Panglima Garang, daerah Kuala Langat, Selangor serta kesan terhadap Pendidikan Formal.

1. Siapakah yang terlibat dan peranan apakah yang dimainkan oleh para penganyam dalam proses pendidikan kemahiran kraf dalam kalangan keluarga tukang anyam di Kampung Sungai Bumbun, Pulau Carey?
2. Bagaimanakah cara-cara, interaksi, dan pola-pola pembelajaran yang berlaku di dalam interaksi pendidikan keluarga yang terlibat di Kampung Sungai Bumbun, Pulau Carey?
3. Faktor persekitaran apakah yang mendukung pengekalan sosialisasi kemahiran kraf anyaman dalam kalangan keluarga di Kampung Sungai Bumbun, Pulau Carey tersebut?
4. Bagaimanakah motif anyaman yang dihasilkan oleh para penganyam suku Mah Meri dapat dikekalkan atau apakah berlaku pengubahsuaian dengan keperluan semasa dan yang akan datang?
5. Bagaimanakah motif anyaman suku kaum Mah Meri mempengaruhi kemahiran kraf pelajar di sekitar Pulau Carey?





1.7 Objektif Kajian

Berdasarkan objektif kajian yang dinyatakan oleh penyelidik, objektif kajian ini dibina berdasarkan keperluan kajian.

1. Mengenalpasti tingkahlaku suku Mah Meri yang terlibat dan peranan yang dimainkan dalam sosialisasi kemahiran kraf terhadap tukang anyam di Kampung Sungai Bumbun.
2. Memberi kefahaman dan menjelaskan cara-cara interaksi, dan pola-pola pembelajaran yang berlaku menerusi, dalam kegiatan dan tentang kraf anyaman dalam proses pendidikan keluarga terhadap masyarakat tukang anyam di Kampung Sungai Bumbun.
3. Mengenalpasti dan menjelaskan kemahiran yang diharapkan dan diperolehi sebagai satu bahagian proses pendidikan yang berlaku dalam kalangan keluarga tukang anyaman di Kampung Sungai Bumbun, daerah Kuala Langat, Pulau Carey.
4. Mengenalpasti dan menggambarkan motif-motif yang dihasilkan oleh suku Mah Meri di sekitar Pulau Carey, yang dikekalkan atau diubah suai mengikut keperluan semasa dan yang akan datang.
5. Menganalisis pengaruh-pengaruh yang berlaku dalam kemahiran kraf anyaman menerusi pembelajaran Bidang Kraf Tradisional Anyaman di sekolah.

1.8 Limitasi Kajian

Terlebih dahulu tujuan kajian adalah tertumpu pada masyarakat suku Mah Meri di Kampung Sungai Bumbun sahaja. Bagi mengesan sosialisasi kraf anyaman, sebanyak





dua buah lokasi lagi diperluaskan iaitu Kampung Sungai Judah dan Kampung Sungai Rambai. Masyarakat yang terlibat dalam kajian ini ialah masyarakat Orang Asli suku bangsa Mah Meri. Iaitu seramai 20 buah keluarga termasuk 34 orang penganyam ditemubual bagi memperolehi maklumat-maklumat berkaitan kelangsungan kraf anyaman di Pulau Carey.

Manakala fokus kajian adalah tertumpu kepada aspek kraf anyaman terdiri kraf domestik seperti tikar, bakul dan raga yang digunakan suatu ketika dahulu sebagai keperluan primer dalam kelangsungan hidup suku Mah Meri yang menetap di Pulau Carey. Selain itu, lebih kurang seratus jenis motif termasuk rekabentuk anyaman terdiri daripada bentuk origami dan dendan telah dikaji bagi menemukan struktur maknanya yang diperolehi oleh ransangan-ransangan persekitaran Pulau Carey.



Bagi melihat sosialisasi kraf anyaman suku Mah Meri, penyelidik telah menggunakan sampel pelajar Tingkatan satu hingga Tingkatan empat di Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Carey. Fokus kajian adalah untuk melihat kesan atau bentuk pengaruh kraf anyaman suku Mah Meri yang digunakan sebagai pengetahuan generik mereka dalam pembelajaran kraf tangan di sekolah. Seramai 16 orang peserta kajian terdiri daripada 13 orang pelajar perempuan dan 3 orang pelajar lelaki yang mewakili responden yang dipilih secara rawak dengan pelbagai tahap diperingkat menengah rendah (Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3) dan menengah atas (Tingkatan 4 sahaja). Justeru, satu bengkel telah dijalankan oleh penyelidik pada 5 Julai 2018 bertujuan untuk mengesan pengaruh-pengaruh kraf anyaman suku Mah Meri serta dapatan tersebut akan menjelaskan sejauh manakah sosialisasi kraf anyaman berlaku dalam konteks pembelajaran seni formal melalui analisis dokumen.





1.9 Kepentingan Kajian

Dalam kajian ini penyelidik telah menemui tukang anyam yang terlibat secara khusus dalam proses menghasilkan kraf anyaman di Kampung Sungai Bumbun. Selain itu, penyelidik menjangkakan bahawa bentuk-bentuk kraf anyaman yang ditemui di Pulau Carey adalah bukti daripada kebudayaan awal suku Orang Asli yang berhijrah ke negara ini yang dibawa masuk melalui proses asimilasi pendatang pribumi. Hal ini berdasarkan jarak usia yang begitu jauh sejak kedatangan mereka ke negara ini. Masih banyak seni anyaman mereka yang tidak ditemui lagi kerana faktor-faktor seperti kepupusan bahan mentah dan warisan tidak dikembangkan kepada generasi seterusnya.



berkenaan asal usul kemahiran dan kreativiti warisan tinggalan masyarakat dahulu melalui sejarah. Justeru, penulisan kajian ini juga tidak dapat menunjukkan sebanyak mana kesan-kesan sosialisasi kraf anyaman yang ditemui di Kampung Sungai Bumbun adalah motif asal atau motif-motif baru tetapi berdasarkan kepercayaan dan pantang larang mereka yang mengikat bentuk tersebut, dapat dinyatakan bahawa koleksi-koleksi yang ditemui adalah tidak mencukupi untuk dijadikan bukti yang lebih kuat untuk menyokong pola-pola kebudayaan tersebut bagi memahami pemikiran mereka, melainkan dengan rujukan-rujukan penulis mengenai kebudayaan suku Mah Meri daripada penulis-penulis yang lepas.

Oleh itu, hasil penyelidikan dijangkakan dapat memberikan sumbangan kearah beberapa perkara seperti berikut :





- i. Menyumbang pengetahuan yang diperlukan bagi peningkatan sumber pengetahuan sejarah kraf tradisional yang lebih mendalam terhadap proses pemikiran sesebuah masyarakat terhadap objek seni ciptaan mereka.
- ii. Memperlihatkan bagaimana aspek sejarah kraf anyaman dapat mendekati pelajar agar dapat memahami tentang proses sejarah yang dilalui oleh masyarakat terawal yang menduduki negara ini dan memberi kesan keatas pengetahuan pelajar-pelajar di sekolah hasil pengalaman dan proses kelangsungan hidup mereka melalui persekitaran dan pengetahuan sedia ada melalui sejarah dan latarbelakang sosiobudaya kraf tradisional.

1.10 Definisi Konsep dan Operasional



Kaitan pemindahan ilmu sering dikaitkan dengan perubahan terhadap tingkah laku individu, di mana setiap strategi penurunan ilmu itu akan mengaitkan bagaimana proses tersebut disalurkan bagi memenuhi pelbagai kehendak dalam pendidikan yang memperlihatkan perubahan menerusi pengamalan sosial dan sikap. Menerusi proses pembelajaran kraf anyaman, Orang Asli juga mampu mengaitkan nilai-nilai yang dibentuk melalui didikan yang dipraktikkan sejak zaman nenek moyang lagi. Ini kerana, melalui kegiatan kraf anyaman mereka terdapat nilai-nilai yang telah dibangunkan secara holistik dan sistematik melalui interaksi-interaksi sosial. Perkara ini turut digambarkan tentang konsep pemindahan ilmu masyarakat pribumi menerusi *Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)* yang telah





mendedahkan bahawa konsep pembelajaran mereka terikat dengan interaksi serta kegiatan sosial.

Definisi sosialisasi ialah *socialization* yang membawa makna tentang proses dimana kita belajar untuk menjadi ahli masyarakat, kedua-duanya merupakan penghayatan (*internalising*) dalam 'norma' dan 'nilai-nilai' masyarakat, dan ia juga menerangkan tentang bagaimana belajar untuk melaksanakan 'peranan' sosial (Broom, 1981).

Sosialisasi yang dimaksudkan dalam Gardiner dan Kosmitzki (2002) mendefinisikan sosialisasi sebagai:



Process by which an individual becomes a member of a particular culture and take on its values, beliefs, and other behaviors in order to function within it.



Gardiner & Kosmitzki (2002)

Spenner dan Otto (1985) pula mendefinisikan sosialisasi sebagai:

...process of learning, adaptation, and forced or voluntary, conscious or unconscious alterations in self dimensions as a function of work and career.

Secara tidak langsung proses pembelajaran dalam masyarakat Orang Asli dapat memperlihatkan bagaimana konteks pemindahan ilmu pengetahuan atau kemahiran kraf tangan itu dijelmakan daripada beberapa faktor seperti persekitaran yang dilalui setiap hari melalui interaksi sosial dalam keluarga, rakan-rakan dan persekitarannya. Perkara ini amat ditekankan dalam proses pemindahan kemahiran seni yang dimaksudkan oleh Jarvis (2006) bahawa pembelajaran sedemikian





menekankan proses-proses sosial serta pembelajaran seumur hidup. Ini kerana menerusi aspek sosial yang dikaitkan, ia turut digambarkan sebagaimana bentuk pendidikan yang disalurkan secara langsung dan dihubungkan dengan sesuatu aktiviti, amalan atau adat resam. Ini memperjelaskan bahawa ciri-ciri pembelajaran informal adalah bertujuan untuk menyalurkan bentuk pembelajaran serta latihannya yang tersendiri.

Bagi maksud lain pula, kajian ini juga melihat konsep “sosialisasi” kraf anyaman dari sudut proses penurunan ilmu kemahiran menganyam sebagaimana pandangan Broom (1981), sosialisasi adalah proses menyelaraskan individu-individu baru ahli masyarakat kedalam pandangan hidup yang terorganisasi dan mengajarkan mereka tentang tradisi-tradisi budaya masyarakatnya.



Menerusi kajian ini, individu yang terlibat dalam sosialisasi ialah masyarakat tukang anyam yang terdiri daripada pelbagai tahap sosial di Pulau Carey. Menurut Cooley dalam Enomoto (1998) menyatakan bahawa kelompok sosial dalam sosialisasi adalah kelompok primer, iaitu keluarga, sekolah, dan kelompok pertemuan atau antara, kerana dalam kelompok-kelompok tersebut wujud kesatuan dan keberkesanan yang sangat kuat, yang mengikat hubungan anak dengan para ahli lain dalam kelompoknya. Sosialisasi adalah proses kompleks yang dialami oleh individu ketika belajar mengenal dan melaksanakan tingkah laku yang dituntut oleh masyarakat. Dari aspek sosialisasi, memperkenalkan tabiat, idea, sikap, dan nilai. Para ahli sains tingkah laku yang terdiri daripada ahli antropologi, ahli psikologi, dan ahli sosiologi menganggap sosialisasi sebagai salah satu cara utama masyarakat mengabadikan kewujudannya. Menurut Broom (1981) sosialisasi dapat dilihat daripada dua titik





pandang, iaitu titik pandang masyarakat dan titik pandang individual. Mengikut aspek titik pandang masyarakat, sosialisasi adalah proses menyelaraskan individu-individu baru sebagai ahli masyarakat ke dalam pandangan hidup sebuah organisasi dan mengajarkan mereka tentang tradisi-tradisi budaya masyarakatnya.

Peter Berger dan Thomas Luckmann (1966) menyatakan sosialisasi dari sudut budaya ialah ransangan budaya dipindahkan kepada individu oleh agen-agen sosialisasi yang lain seperti rakan sebaya, media massa, sekolah dan lain-lain. Menerusi konsep sosialisasi kajian ini, ia mencakupi proses kelangsungan yang melibatkan peranan keluarga dan persekitaran sosial bagi masyarakat Orang Asli Mah Meri di Pulau Carey. Proses sosialisasi itu memperlihatkan tahap-tahap perkembangan individu dalam mewarisi kemahiran menganyam melalui pola interaksi permulaan dan interaksi penyertaan. Proses sosialisasi ini menuntut peranan institusi keluarga dalam menjalankan tanggungjawab sebagai ahli dalam masyarakat bagi meneruskan tradisi kehidupan mereka.

Sosialisasi kajian ini juga membawa maksud proses yang berlaku secara bertahap bagi tujuan membolehkan individu berada dalam struktur sosial masyarakat dengan maksud segala tindakan individu mengarah kepada tingkah laku kumpulan sosial tersebut dan keadaan ini ditafsirkan sebagai pengaruh sosialisasi. Teori pembelajaran-sosial pula mentafsirkan sosialisasi sebagai proses dimana individu akan mengenal pasti tingkah laku untuk disesuaikan dengan keadaan setempatnya. Manakala teori perkembangan kognitif pula menyatakan tahap kognitif yang menentukan reaksi terhadap situasi setempat dengan mengambilkira faktor sosial. Teori ini menganggap sosialisasi sebagai proses individu akan mengasimilasi dan





menyesuaikan tingkah laku dengan persekitaran (Emmerich 1973). Merriam (1998) menyatakan sosialisasi adalah dari perspektif yang melibatkan kehidupan sosial, peranan, organisasi dan komuniti.

Menurut Hargreaves (1972) sosialisasi adalah melibatkan didikan daripada ibu bapa dari peringkat bayi dan guru telah membentuk minda dan tingkah laku seseorang. Setelah membesar dan berada dalam masyarakat, norma dan nilai masyarakat pula membentuk pandangan individu terhadap diri sendiri dan tentang kehidupan. Sosialisasi berlaku sehingga akhir hayat selagi hubungan sosial dan keahlian dalam kumpulan masih ada (Bilton, Bonnett, Jones, Stanworth, Sheard & Webster 1990). Apabila mencapai peringkat dewasa ia dinamakan sebagai sosialisasi orang dewasa (Elkin & Handel 1972). Individu cuba mempelajari peraturan dan harapan masyarakat setempat.

Individu merupakan agen utama dalam menyesuaikan diri dengan persekitarannya (Mead 1974); Pallas 2000; Tischler 2002). Oleh itu, sosialisasi dianggap sebagai proses seseorang individu tersebut mempelajari ciri-ciri sosial yang diterima oleh masyarakat setempat.

Sumida (1995) juga menyatakan bahawa meskipun banyak terdapat kelompok sosial dipersekutuan kehidupan anak, terpulang daripada pengaruh yang kuat didalam hubungan interaksi langsung pada anak, kelompok sosial dapat mempengaruhi peranan anak. Sumida mendefinisikan sosialisasi sebagai proses pembentukan fikiran dan tingkah laku didalam masyarakat atau kelompoknya, sebagai anggota masyarakat atau kelompok untuk memperoleh nilai, norma, sikap dari masyarakat atau kelompok itu melalui interaksi yang sedang berlangsung dengan orang lain.





Menurut Jakob Sumardjo (2000), sebelum seorang seniman dilahirkan, dilingkungannya telah hidup suatu budaya yang didalamnya terdapat apa yang dinamai seni. Iaitu, apabila ia mencapai kesedaran, ia mula menghayati dan memahami apa yang disebut seni oleh masyarakatnya. Penyesuaian atau *conditioning* ini akan menyebabkan dia menyedari apa dan bagaimana seni itu. Dalam hal ini si calon seniman belajar dari tradisi seni masyarakatnya.

Menerusi kajian ini, sosialisasi kraf anyaman juga boleh melambangkan unit kebudayaan yang didefinisikan oleh Parsuadi Suparlan (1997) sebagai sesebuah *blueprint* atau pedoman yang menyeluruh bagi kehidupan sekelompok masyarakat yang memiliki kebudayaan tersebut. Kebudayaan terdiri daripada kesatuan-kesatuan fikiran, nilai dan keyakinan yang menjadi sistem-sistem pedoman atau model-model

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi
kognitif yang berlaku pada pelbagai peringkat pengetahuan, perasaan dan kesedaran.

Pendukung kebudayaan menggunakan model-model tersebut secara selektif yang mereka rasakan sebagai yang paling sesuai atau yang terbaik untuk dijadikan pedoman untuk mentafsirkan dengan penuh makna, serta untuk mewujudkan tindakan-tindakan dalam menghadapi persekitaran dan memanfaatkan pelbagai sumber daya yang ada didalamnya.

Secara umumnya dalam konteks sosialisasi, ia adalah proses latihan untuk diterima dalam komuniti (Neugarten & Daten 1973; Atkinson & Delamont 1985; Spenner & Otto 1985; Blase 1985). Individu akan menggunakan segala pengetahuan, kemahiran, nilai dan sikap yang telah dibentuk atau diperolehi semasa latihan untuk menyesuaikan dirinya dengan keadaan setempat (Brookover & Gottlieb 1964; Neugarten & Daten 1973; Kelchtermans & Ballet 2002). Proses sosial berlaku kerana





komuniti mampu mempengaruhi individu bergantung kepada minat dan iltizam individu itu sendiri (Kelchtermans & Ballet 2002) yang digerakkan oleh 'diri' (Kelchtermans & Vandenberghe 1994).

Sosialisasi juga menurut Ahmadi (1991) mengemukakan pengertian tentang bagaimana proses-proses belajar sebagai proses sosialisasi adalah meliputi perkara seperti berikut :

Proses sosialisasi adalah proses belajar. Iaitu suatu proses akomodasi dimana individu menahan, mengubah *impulsimpuls* dalam dirinya lalu diikuti oleh pewarisan cara hidup atau kebudayaan masyarakatnya. Semasa proses sosialisasi itu individu mempelajari kebiasaan, sikap, idea-idea, nilai-nilai dan tingkah laku dalam masyarakat di mana ia hidup, dan Semua sikap dan kecekapan yang dipelajari dalam proses sosialisasi itu disusun dan dikembangkan secara sistematis dalam peribadinya.



Wigert dan Thomas (1970) dalam Halimahton (1984) memberi maksud bahawa bentuk sosialisasi itu berlaku disebabkan hubungan yang kuat dengan kebudayaan, dan disebabkan itulah mereka mudah menerima kepercayaan serta pola tingkah laku orang tua yang telah diikat dengan proses tradisi mereka.

Bagi konteks kebudayaan, Tjetjep Rohendi Rohidi (1994) mengatakan bahawa si tukang secara hakiki, selain sebagai makhluk individu juga sebagai makhluk sosial, kerana pada dasarnya si tukang tidak dapat hidup dan mengembangkan semua potensinya tanpa adanya bantuan atau pertolongan daripada orang lain. Oleh itu, dalam kehidupannya si tukang sentiasa memerlukan bantuan orang lain.Justeru, proses warisan yang berlaku tersebut menunjukkan bagaimana sesebuah masyarakat





atau keluarga mengembangkan kebiasaan, nilai-nilai, perilaku dan motif untuk dapat menjadi anggotanya.

Menerusi disiplin antropologi, sosialisasi merupakan proses hubungan keluarga yang berkembang bermula dengan keluarga sebagai tempat anak melakukan hubungan pertama dan berkembang terus selama kehidupan anak (Papalia, 2003). Pengertian ini juga mencakupi proses transaksi dengan orang lain dalam lingkungan sekolah, maupun dengan rakan sebayanya. Sosialisasi juga turut bergantung pada proses hubungan luar menerusi standard sosial yang berlaku dalam sesuatu kelompok masyarakat. Malah, sosialisasi juga adalah proses latihan untuk diterima dalam komuniti (Neugarten & Daten, 1973; Atkinson & Delamont 1985; Spenner & Otto 1985). Individu tersebut menggunakan segala pengetahuan, kemahiran, nilai dan sikap

yang telah dibentuk atau diperolehi semasa latihan untuk menyesuaikan dirinya dengan keadaan setempat (Brookover & Gottelieb 1964; Neugarten & Daten 1973; Kelchtermans & Ballet 2002). Manakala T. Marimuthu (1990) dalam Ahmat Satmi (2005) melihat proses sosialisasi ialah proses seseorang individu mempelajari sosio masyarakat dengan harapan menjadikan kaedah ini sebahagian personalitinya. Malah, istilah kolektif yang digunakan untuk proses seorang individu memperolehi nilai, kepercayaan, norma dan ciri serta tingkah laku sosial lain yang dianggap cocok oleh masyarakat yang dianggotainya. Secara tidak langsung ia menggambarkan proses pemindahan pembelajaran yang mengaitkan persekitaran keluarga.



1.10.2 Pendidikan Informal

Kepentingan melihat proses pembelajaran Pendidikan Informal daripada sudut seni seperti yang dimaksudkan Jakob Sumardjo (2000) ialah dengan menekankan pengalaman instrinsik. Pengalaman intrinsik yang dimaksudkan ialah ia berlaku di luar kepentingan kurikulum.

Menerusi pembelajaran kegiatan kraf tangan diluar struktur kurikulum, daripada perspektif '*STANDARD DESK DICTIONARY*' menekankan bahawa bentuk pemindahan yang berlaku itu sebagai amalan tradisi yang mengetengahkan makna nilai tersebut. Oleh yang demikian, menerusi kaedah dan strategi pembelajaran informal, ia mampu memperlihatkan bagaimana pola sosialisasi itu dapat memainkan peranannya dalam memastikan pemindahan kemahiran tersebut berlaku secara berterusan dan diwarisi dalam keluarga dan masyarakatnya. Jarvis (2006, 2007) menekankan bahawa proses pembelajaran secara informal lebih menumpukan tentang bagaimana seseorang individu itu berusaha untuk menjadi ahli dalam masyarakat tertentu dengan mengambilkira pelbagai disiplin akademik dibawah kontinum sosiologi, psikologi dan falsafah.

Menurut Illeris (2002) pembelajaran manusia adalah suatu proses 'transformasi pengalaman kedalam pengetahuan, kemahiran dan tingkahlaku' (Jarvis, 1987:32). Dimana secara terminologinya, kaedah pemindahan pembelajaran yang berlaku keatas manusia adalah mengaitkan proses-proses kehidupan manusia yang melibatkan *jasmani-body* (genetik, fizikal dan biologi) dan *mind-ingatan* (pengetahuan, kemahiran, tingkahlaku, nilai, emosi, kepercayaan dan naluri). Disinilah wujudnya pengalaman-pengalaman sosial, pemindahan kognitif, emosi secara praktikal serta



latar belakang manusia yang mengawal perubahan tingkah laku itu agar berlaku secara berterusan.

Pendidikan Informal yang dimaksudkan dalam kajian ini menekankan proses yang melibatkan peranan individu sebagai tukang anyam dalam mengembangkan potensi kepada generasi pertukangan itu sendiri, yang merupakan suatu bentuk proses kesinambungan tradisi dalam kegiatan kraf tradisional. Menurut Abdul Rahim (1986),

"Si datuk atau si nenek yang mewarisi kemahiran kraf dari datuk nenek mereka dahulu biasanya menurunkan pula kemahiran mereka kepada anak cucu mereka melalui pendidikan tidak formal. Begitulah seterusnya proses pemindahan pengetahuan kraf tradisional ini berlaku sejak zaman berzaman."

Pendefinisian Pendidikan Informal yang dimaksudkan dalam kajian sosialiasi kraf anyaman adalah menggunakan pandangan Coombs (1974) tentang disiplin Pendidikan Informal yang mengaitkan kegiatan yang berlaku diluar rangka sistem pendidikan, iaitu meliputi proses kehidupan sepanjang hayat yang membentuk tingkah laku sosial berbanding Pendidikan Formal. Coombs dan Ahmed (1974) menetapkan beberapa kriteria bagi mengukur kekuatan Pendidikan Informal berbanding dengan pendidikan yang lain seperti berikut:





Jadual 1.1 :

Spektrum Organisasi Pendidikan

Pendidikan Formal	Pendidikan Informal	Pendidikan Non-Formal
Mengambilkira struktur hirarki pendidikan, tahap kronologi "sistem pendidikan" bermula daripada sekolah rendah sehingga universiti termasuklah pelbagai program khas dan institusi samada teknikal, sepuh masa dan latihan profesional adalah bertujuan bagi menambah pengajian akademik umum.	Proses sepanjang hayat adalah bermula dimana setiap individu memperoleh tingkah laku, nilai-nilai, kemahiran-kemahiran dan pengetahuan daripada pengalaman harian dan pengaruh pendidikan dan sumber-sumber persekitaran mereka melalui keluarga dan jiran-jiran, sambil bekerja dan bermain. Malah di pusat sumber serta media massa.	Mana-mana aktiviti organisasi pendidikan di luar sistem : (<i>Bersambung</i>) samada yang secara berasingan atau yang mengutamakan aktiviti secara meluas - iaitu ia memberikan pengenalphastian pembelajaran terhadap individu dan objektif pembelajaran.



[Sumber: Coombs & Ahmed, 1974; Fordham, (1993)]

Melalui Jadual 1.1 berikut, konsep Pendidikan Informal ini menandakan bahawa pembelajaran informal adalah pembelajaran yang berdasarkan pengalaman yang diterima individu dalam ketiga-tiga situasi pendidikan yang dijelaskan walaupun dalam struktur formal dan tak formal. Menurut La Belle (1982) dalam Ralf Maslowski, Heiko Breit, Lutz Eckensberger dan Jap Scheerens (2009:18) bahawa Pendidikan Informal turut berlaku dalam konteks Pendidikan Formal menerusi pengalaman-pengalaman pelajar apabila mereka mula bekerja dalam latihan kumpulan.





Pendidikan Informal membawa kepekaan yang pelbagai seperti menunjukkan proses membangun kecekapan kemahiran yang lebih terlatih kepada orang baru (Paul Hager & John Halliday, 2009). Selain itu, pandangan tersebut merupakan proses-proses yang berlaku menerusi kelangsungan pendidikan sepanjang hayat dan setiap proses kehidupan perlu dikuasai untuk meneruskan kehidupannya. Menurut Mocker, Donald W., Spear, dan George E. (1982) bahawa konsep Pendidikan Informal adalah bermaksud seperti berikut:

'learners control the means but not the objectives of learning'

Keperluan terhadap Pendidikan Informal mempunyai matlamat dan gaya pembelajaran dalam Pendidikan Formal dan Pendidikan Sepanjang Hayat.

Ia menjelaskan tentang pembelajaran yang tiada objektif (*ends and means*). Pringle (2002) mengatakan bahawa proses pembelajarannya bertujuan untuk kelangsungan hidup dalam situasi tertentu.

Retorik Pendidikan Informal dijelaskan oleh Wain (1987) mirip kepada proses sosialisasi yang membawa maksud proses sepanjang hayat, iaitu gambaran sebuah proses tentang latihan individu untuk mencapai sikap, nilai, kemahiran dan pengetahuan dari pengalaman harian dan pengaruh-pengaruh pendidikan serta sumber-sumber persekitarannya seperti daripada keluarga dan jiran-jiran, dari kegiatan bekerja dan bermain, pasar, perpustakaan dan media massa.





Sosialisasi dalam kajian ini menjelaskan tentang bagaimana proses pengembangan kemahiran kraf ayaman suku Mah Meri yang dipengaruhi oleh nilai pegangan tradisi nenek moyang mereka diwarisi kepada generasi mereka pada hari ini seperti yang sedang berlaku di Pulau Carey. Hal demikian adalah kerana mengikut Mohd Johari (2004), pegangan nilai tersebut merupakan suatu kesinambungan yang disalurkan melalui kemahiran seni yang dikaitkan dengan proses penurunan ilmu sebagaimana digambarkan oleh Abdul Rahim Long bahawa kepandaian ‘Tukang’ adalah sekadar mewarisi kemahiran secara turun-temurun dari datuk nenek moyang mereka, malah ia melibatkan proses pembelajaran yang melibatkan faktor adat resam.

Menurut Abdul Rahim Long (1986),

“Penurunan kemahiran tersebut berlaku secara proses pembelajaran tidak formal yang berterusan berserta dengan latihan dan amalan di sepanjang penghidupan harian mereka.”

Justeru, kelebihan yang terdapat menerusi kegiatan kraf anyaman suku Mah Meri ini tidak boleh dipandang ringan, kerana kemampuan ciri-ciri penurunan ilmu melalui didikan informal secara tidak langsung memperlihatkan bagaimana konsep pembelajaran yang berlaku ini mampu menandingi pendidikan secara formal kerana terdapatnya unsur-unsur daripada persekitaran yang kuat telah bertapak dalam sosiobudaya kehidupan mereka sejak turun temurun.

1.10.3 Kraf Anyaman

Menurut Siti Zainon Ismail (1989), “melalui seni anyaman kita diajar berbicara tentang daya kreatif yang mengandungi makna dan fikiran dalam konteks masyarakat





kita.” Menerusi kajian ini, pengertian seni anyaman bagi suku Mah Meri bukan sekadar membicara bentuk yang telah dicipta malah juga turut melibatkan adat resam, pantang larang, nilai budi, malah ilmu yang dikuasai oleh suku ini tidak dapat dipertikaikan lagi. Setiap hasil anyamannya mempunyai kreativiti tersendiri, malah penuh ciri-ciri falsafah yang menggambarkan penguasaan fizikal seterusnya memperlihatkan tingkahlaku yang penuh dengan adat dan kepercayaan Orang Asli di negara ini. Menurut Wan Abd. Kadir dan Yap Beng Liang (1997) menyatakan bahawa nilai masyarakat dan identiti budaya yang terkandung tentang falsafah agama, logika dan etika kerana kraf merupakan identiti budaya masyarakat (Suzana Yunus, 2005). Menurut Herskovits (1938),

"Baskets and mats are often produced by interlacing splints of materials, commonly grass, but also other materials such as roots, twigs, or leaf strips... The relationships among the woven elements can be varied in a number of ways, producing a variety of results"



Secara tidak langsung kraf anyaman Mah Meri melambangkan ketinggian nilai dan kreativiti orang dahulu yang berkembang dalam evolusinya (Wan Abd. Kadir dan Yap Beng Liang, 1997). Oleh itu, kajian ini dapat mengungkapkan sedikit gambaran bagaimana sebahagian proses sejarah yang berlaku menggambarkan seni anyaman Orang Asli bukan sahaja mempunyai nilai dari segi kegunaannya tetapi memperlihatkan perkembangan kesenian dan kebudayaan yang merentasi pengetahuan proses, rekabentuk serta falsafahnya sebagai ‘budaya benda’ mengikut masyarakat yang berbeza dengan budaya dan adat.

Justeru, kraf anyaman yang dimaksudkan dalam kajian ini merupakan unit

‘budaya kebendaan’ yang memainkan peranan dalam membangunkan nilai-nilai





estetika kraf anyaman suku Mah Meri di negara ini. Menurut A.Aziz Deraman (2007), setiap objek atau artifak budaya dalam sesebuah masyarakat mampu memberi makna yang mendalam dari sudut definisinya. Menurutnya,

“Dalam kehidupan bangsa itu, apa sahaja yang kita lakukan adalah memerlukan makna. Makna dari suatu falsafah dan konsep bidang-bidang kehidupan kita, sama ada dalam politik, ekonomi dan kemasyarakatan. Kehidupan kebudayaan dalam erti yang luas, sehingga ke aspek-aspek kecil seni budaya sekalipun, ia mendukung maknanya”

Manakala definisi Tylor (1871) pula menyifatkan bahawa benda ialah,

“Budaya kebendaan atau artifak merupakan segala ciptaan si tukang yang berbentuk objek-objek tertentu, seperti alat, rumah atau bangunan, senjata, kenderaan dan lain-lain. Budaya bukan kebendaan adalah seperti sesuatu ciptaan si tukang yang abstrak seperti kepercayaan, adat resam, undang-undang dan sebagainya. Tiap-tiap masyarakat mempunyai kebudayaan, tetapi ianya berbeza dari satu masyarakat kepada masyarakat yang lain. Namun begitu terdapat beberapa ciri dan aspek yang sama didapati wujud dalam kalangan anggota masyarakat seperti bahasa objek-objek kebendaan, amalan agama, sistem kekeluargaan, nilai kesenian dan sebagainya. Inilah yang kita katakan pola-pola kebudayaan sejagat.”

Kraf anyaman Mah Meri adalah merupakan kesenian yang dibentuk daripada proses ekspresi kebudayaan si tukang (Mudji dan Chirist, 1993). Begitu jugalah menurut Tylor (1871) bahawa apa-apa kesenian ditakrifkan sebagai kebudayaan atau peradaban bagi menggambarkan keseluruhan kompleks yang meliputi pengetahuan, kepercayaan, peraturan (kemasyarakatan), undang-undang (kemasyarakatan), adat resam, tabiat, kesenian, keupayaan dan kebiasaan lainnya yang dipelajari oleh si tukang sebagai anggota masyarakat.



Oleh itu, kraf anyaman merupakan sebahagian daripada unsur ‘Kraftangan’ Mah Meri iaitu hasil daripada kemahiran tangan masyarakatnya yang melalui proses kebudayaannya sendiri. Dalam erti kata lain, ia melalui satu proses kebudayaan yang mana menurut Koentjaraningrat (1985) terdiri daripada 3 bentuk, iaitu (1) sistem ideal, (2) sistem sosial dan (3) sistem perilaku, yang terintegrasi secara menyeluruh dan berlaku dalam sebuah kelompok masyarakat. Ianya hidup dalam fikiran-fikiran individu yang menjadi warga masyarakat, yang berkaitan, sebagai sebuah sistem yang menjadi pendorong bagi pelbagai kegiatan yang diperlukan. Pada setiap kebudayaan sentiasa ada unsur-unsur universal yang menjadi bahagian hakiki daripadanya. Unsur-unsur universal tersebut ialah (1) sistem religis atau kepercayaan, (2) sistem kekerabatan dan organisasi sosial, (3) sistem bahasa, (4) sistem kesenian, (5) sistem ekonomi atau mata pencarian, (6) sistem pengetahuan dan (7) sistem teknologi.

Malah, kesenian anyaman Mah Meri telah dapat menggambarkan bahagian yang hakiki daripada maksud kebudayaan yang dibincangkan, ianya merupakan antara unsur universal daripada tujuh unsur yang disebutkan di atas.

Justeru, kraf anyaman yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah kraf anyaman hasilan yang berbentuk anyaman iaitu berupa bakul, raga, sungu, dendan dan origami. Anyaman yang merupakan hasil kraftangan yang telah menyumbang terhadap ekonomi bagi setiap isirumah suku wanita di Kampung Sungai Bumbun amnya. Kraf anyaman suku Mah Meri dapat dibezakan dengan kraf tangan anyaman yang lain melalui teknik yang dibina daripada bahan-bahan semulajadi di persekitaran Pulau Carey. Malah seni anyaman yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah anyaman yang dihasilkan oleh suku Mah Meri, yakni kemahiran mereka yang dikuasai sejak zaman nenek moyang yang melambangkan anutan dan semangat kepercayaan bentuk krafnya.



tersendiri yang masih dapat dilihat di sekitar Pulau Carey. Kelompok Orang Asli ini masih mendiami kawasan yang dimaksudkan dan masih menghasilkan kraf anyaman tradisi mereka dan terlibat secara ekonomi dalam penghasilkan produk kraf anyaman.

1.10.4 Mah Meri

Mah Meri yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah kumpulan etnik Orang Asli yang menetap di sekitar Pulau Carey. Mengikut laporan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (1994), suku Mah Meri yang dimaksudkan ini masih terdapat di negeri Selangor iaitu antara penempatan mereka adalah yang terdapat di sepanjang pantai barat daya di antara daerah Klang dan Kuala Langat. Petempatan utamanya ialah di antara Pulau Ketam (dalam Daerah Klang) dan Sepang (dalam Daerah Kuala Langat).



Mah Meri berasal dari nama rasmi 'Bersisi' sebagaimana yang diperuntukkan oleh Jabatan Pembangunan Orang Asli. Mah Meri juga bermaksud 'Orang Hutan' (Chan, 2010; Nowak, 1987). Malah, terdapat juga gelaran lain yang dikenali sebagai 'Orang Laut' yang sinonim dengan keadaan kehidupan mereka yang tinggal berhampiran laut dan bekerja sebagai nelayan (JAKOA-UNICEF, 1998; Kementerian Pembangunan Luar Bandar, 2002). Selain itu, mereka adalah sub suku bangsa Orang Asli daripada suku Senoi.

Dari sudut perbendaharaan kata yang berasal daripada bahasa Mah Meri dalam subgolongan ini lebih banyak berbanding dengan perkataan pinjaman dan gabungan bahasa Mah Meri dan Bahasa Melayu. Perkataan asal Mah Meri terdiri daripada 50% perkataan pinjaman daripada bahasa Melayu dan gabungan dua bahasa tersebut masing-masing ialah 25%. Hal ini menunjukkan bahawa subgolongan ini banyak





menggunakan bahasa Mah Meri yang agak berlainan daripada bahasa Melayu, manakala kedua-dua kategori yang berakhir ini pula dibentuk sebagai bahasa Mah Meri hasil daripada proses akulturasi dengan masyarakat Melayu. Kedua-dua kategori yang terakhir juga penting dalam pembentukan dan perkembangan bahasa Mah Meri itu sendiri (Asmah, 2006). Jadual 1.2 menjelaskan kedudukan suku Mah Meri dalam kelompok suku bangsa Orang Asli di negara ini.

Jadual 1.2

Suku dan Suku Bangsa Orang Asli di Malaysia

Suku	suku		
	Negritos	Senoi	Proto-Malays
BANGSA	Kensiu	Temiar	Temuan
	Kintak	Semai	Semelai
	Lanoh	Semaq Beri	Jakun
	Jahai	Che Wong	Orang Kanaq
	Mendriq	Jahut	Orang Kuala
	Bateq	Mah-Meri	Orang Seletar

[Sumber: Pusat Perkembangan Kurikulum dan United Nations Children's Fund (1998)]

Menerusi kajian ini, penyelidik hanya menfokuskan kawasan petempatan suku Mah Meri yang menetap di Kampung Sungai Bumbun, Kampung Sungai Judah, dan Kampung Sungai Rambai yang cukup terkenal kemahiran kraf anyaman mereka.





1.10.5 Pendidikan Formal

Bagi mencapai maksud Pendidikan Formal dalam kajian sosialisasi kraf anyaman ini, Pendidikan formal bolehlah ditakrifkan sebagai proses pengajaran dan pembelajaran Bidang Kraf Tradisional Anyaman yang berlaku di sekolah dan ianya dilaksanakan menerusi bidang kurikulum Pendidikan Seni Visual. Bidang tersebut dilaksanakan secara rasmi mengikut sistem yang ditetapkan oleh kerajaan. Proses ini berlaku didalam sesuatu Institusi sekolah sama ada rendah atau menengah yang mempunyai struktur daripada segi kronologi dan hirarki yang bermula dari sekolah rendah hingga ke peringkat universiti dan mempunyai kurikulum yang disahkan oleh pihak berkuasa.



Menerusi kajian ini, penyelidik menggunakan pelajar sekolah di sekitar Pulau Carey bagi melihat pengaruh-pengaruh kraf anyaman suku Mah Meri yang mempengaruhi pengetahuan dan kemahiran menganyam mereka di institusi pendidikan formal. Anyaman merupakan salah satu subjek kraftangan yang ditawarkan dalam kurikulum Pendidikan Seni Visual yang menyediakan pengalaman kreatif pelajar dalam pendidikan kraf itu sendiri bagi mencapai hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk melihat bagaimana pelajar-pelajar dapat menggunakan nilai-nilai, prinsip, kaedah menganyam mengikut sosiobudaya mereka sendiri. Prinsip-prinsip yang dimaksudkan akan dilihat melalui satu rubrik yang dibina bagi mengukur pengaruh-pengaruh atau kesan-kesan sosialisasi kraf anyaman yang berlaku dalam suku Mah Meri di sekitar Pulau Carey. Antara perkara yang dilihat ialah bagaimana pelajar menggunakan bahan yang terdapat di sekitar Pulau Carey, alatan dan teknik yang digunakan serta unsur-unsur kraf anyaman suku Mah Meri yang digunakan oleh pelajar.





1.10.6 EGO

Menurut Pusat Rujukan Persuratan Melayu maksud EGO (ego) ialah personaliti atau sifat seseorang sebagai individu yang memperlihatkan kelakuan dan keupayaan serta keperibadiannya. Menerusi kajian ini, EGO bermaksud individu yang membawa peranan tukang anyam dalam masyarakat suku Mah Meri yang menetap di Pulau Carey. EGODalam kajian ini berupaya memindahkan kemahiran menganyam kepada ahli keluarga yang terdekat seperti anak, cucu ataupun saudara mara bagi mengembangkan lagi sosialisasi kemahiran menganyam di Kampung Sungai Bumbun.

Dalam kajian ini, penyelidik mengenali ahli-ahli keluarga masyarakat yang terlibat dalam kegiatan menganyam melalui panggilan pangkat seperti gómcóh (moyang), ninik (datuk), gøndøi (nenek), apak (bapa), gøndek (ibu), jék (abang), ga"uk (kakak), adek (adik), kønøn (anak), køntſu? (cucu), køntſet (cicit) dan je" (piut) (Jariah, 2006). Yakni, struktur sosial salasilah keluarga setiap isi rumah tukang anyam disusun dengan panggilan EGO. Dalam kajian ini, EGO akan menunjukkan hubungan bagi setiap pangkat yang menunjukkan bagaimana proses penurunan ilmu kemahiran menganyam bagi mengesan struktur sosialisasi keluarga. Menerusi kajian ini, sebahagian bentuk pemindahan kemahiran kraf anyaman akan dilihat melalui pola-pola yang berlaku dalam keluarga, masyarakat dan persekitaran. Maka, dalam penyelidikan ini, pola tersebut dapat menjelaskan bagaimana faktor yang disebut dalam proses pengembangan sosialisasi kraf anyaman di Kampung Sungai Bumbun amnya.





1.11 Rumusan

Secara tidak langsung bab ini telah menjelaskan intipati kajian iaitu pengenalan kepada kepentingan kraf anyaman daripada sudut pendidikan. Selain itu, bab ini turut membincangkan latarbelakang susur galur kraf anyaman negara ini termasuk kedatangan Orang Asli yang membawa kebudayaan anyaman ke negara ini melalui proses asimilasi budaya nusantara termasuk terminologi kajian dan perancangan kajian Perancangan Bab ini juga merangkumi pernyataan masalah, tujuan, objektif dan persoalan-persoalan kajian yang menjurus kepada pembentukan teori kajian.

